

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 02 Mei 2016 12:21
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PANDANGAN DAN JELINGAN DATO' SITI NURHALIZA MENIKAM KALBU



02 MEI 2016 / 24 REJAB 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

PANDANGAN DAN JELINGAN DATO' SITI NURHALIZA MENIKAM KALBU



ANJUNG TAMU ONLINE: Berserinya kampus UUM Sintok dengan kehadiran artis terkenal Dato' Siti Nurhaliza Tarudin bersama suami Dato' Seri Khalid Mohamad Jiwa baru-baru ini.

Meskipun sudah berlalu sebagai sejarah universiti di rimba hijau namun bagi peminat setia beliau, masih ramai lagi terkenang dan teringat wajah penghibur tanahair yang memahat pelbagai memori indah di UUM. Wajahnya yang tidak dijemu pandang, rata-rata masih menjadi bualan umum.

Bagaikan lirik lagu beliau, Pandang-pandang, Jeling-jeling,

Menjeling-jeling ku bertentang,
Mata kita sama memandang,
Ku cuba ku cuba nak bertanya,
Siapa diakah namanya.

Dalam pada itu, beliau yang mengadakan lawatan ke Welcome Centre melahirkan rasa teruja dengan buah Sintok yang dipamerkan di rumah ibu serta kampus universiti pengurusan yang berkeluasan 1,061 hektar. Selain itu, beliau berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang rusa dan kuda yang menjadi tarikan pelancong UUM masa kini.

Kata beliau,

“Terima kasih di atas layanan mesra”,

“Semoga terus berbakti buat anak bangsa”.

Hadir mengiringi beliau, pensyarah kanan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA), Prof. Madya Dr. Noor Afza Amran dan pensyarah Dr. Norhani Aripin.

=====
DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

